

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 13 FEBRUARY 2017 |

Bersama pertahan kesederhanaan: PM

BH - 13/2/2017

➔ 20,000 tetamu daripada pelbagai kaum meriahkan sambutan di Dataran Bentong

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

► Bentong

Datuk Seri Najib Razak mahu rakyat terus mengamalkan kesederhanaan bagi memastikan suasana aman dan harmoni dalam negara dikekalkan.

Perdana Menteri berkata, keamanan dan keharmonian yang dikecapi rakyat akan membolehkan kerajaan merangka serta melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Katanya, ini kerana kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan beliau mempunyai pelbagai peran-

cangan dan program pembangunan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat secara berterusan pada masa depan.

Tingkat taraf hidup

“Kalau sudah aman dan harmoni, sudah tentu kita dapat menaikkan taraf hidup rakyat. Sebab itu kerajaan BN pimpinan saya ada perancangan dan gagasan besar untuk dibawa kepada negara dan rakyat.

“Keamanan dan keharmonian ini hanya boleh dikecapi jika kita semua mengamalkan kesederhanaan dalam segala aspek kehidupan dan kepercayaan agama,” katanya ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baharu Cina di Dataran Bentong, malam tadi.

Kira-kira 20,000 tetamu terdiri daripada pelbagai kaum menghadiri majlis itu anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan kerjasama Kerajaan Pahang.

Yang turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz; Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Presiden GERAKAN, Datuk Mah Siew Keong dan isteri serta Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Najib berkata, rakyat harus sedar keamanan dan keharmonian di negara ini wujud hasil usaha serta perancangan pengasas negara berdasarkan Perlembagaan dan prinsip terkandung dalamnya.